



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar &
Perubahan Iklim (NRECC)

Tingkat 12-14 Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Seksyen 9
40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel.: 03-5521 4000
: 03-5519 7233 (Bilik Kawalan)
Faks: 03-5519 4788
Laman Web: www.doe.gov.my

Ruj. Tuan :

JAS.BHQ.600-2/13/187

Ruj. Kami : Jld.2 (7)

Tarikh : 24 Julai 2023



Pengarah Urusan
Intco Malaysia Sdn. Bhd.
No. 1, Jalan Kosmos
Taman Perindustrian Mahkota Utama
Tanjung Dua Belas
42700 KUALA LANGAT

Tuan,

**REVISED ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT REPORT FOR THE
PROPOSED PLASTIC PRODUCTS MANUFACTURING PLANT USING PLASTIC
SCRAPS AS RAW MATERIAL ON PT 48373, TAMAN PERINDUSTRIAN MAHKOTA
UTAMA, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR
DARUL EHSAN FOR INTO MALAYSIA SDN. BHD.**

- Surat Kelulusan Laporan EIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima Laporan EIA bagi cadangan projek di atas yang disediakan oleh Jururunding EIA tuan, Green Earth Consultancy & Services Plt pada 16 Jun 2023 melalui surat nombor rujukan: GE/INTCO/23/06/15 bertarikh 15 Jun 2023. Laporan tersebut telah dikaji dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (*Technical Review Committee, EIATRC*) pada 10 Julai 2023. Maklumat tambahan sebagai maklumbalas kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat telah disediakan oleh Jururunding EIA tuan, Green Earth Consultancy & Services Plt telah diterima oleh Jabatan ini pada 20 Julai 2023.

3 Setelah mengkaji Laporan EIA yang dikemukakan, Jabatan ini mendapati bahawa Laporan EIA tersebut **mematuhi Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**. Dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Laporan EIA ini **diluluskan** dengan syarat-syarat kelulusan seperti di **LAMPIRAN A**.

4. Jabatan ini ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara-perkara berikut:

f

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. S1111 - AD 5444

- (i) Mendapatkan kelulusan pengecualian Dasar Larangan Beroperasi Bagi Premis/Kilang Yang Memproses Sisa Plastik Di Negeri Selangor daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) berikutan syarikat akan mengimport sisa plastik dari luar negara; dan
- (ii) Keseluruhan operasi kilang termasuk aktiviti *import* di kilang sedia ada di Lot 8988, Telok Gong, Pelabuhan Klang hendaklah ditutup dan dipindahkan (*relocate*) ke tapak baharu di Taman Perindustrian Mahkota Utama, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor.

5. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian tuan berhubung Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA yang perlu diberi perhatian oleh pihak tuan dalam pelaksanaan projek ini sekiranya projek ini diluluskan kelak oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi lain yang berkaitan. Jabatan ini ingin memaklumkan bahawa Laporan **Environmental Management Plan (EMP)** yang lengkap hendaklah dikemukakan dan mendapat kelulusan Jabatan ini **sebelum** operasi cadangan projek dimulakan.

6. Kelulusan Laporan EIA ini hanya sah diterima pakai oleh pihak tuan dalam tempoh **dua (2)** tahun dari tarikh surat kelulusan ini dikeluarkan. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut dan perkara 4(i) serta 4(ii) tidak dipatuhi, kelulusan Laporan EIA dengan sendirinya **terbatal**. Kelulusan ini juga boleh ditarik balik pada **bila-bila masa** jika didapati berlakunya pelanggaran terhadap mana-mana Syarat Kelulusan Laporan EIA dan arahan memberhentikan operasi boleh dikeluarkan dengan serta-merta.

7. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam menjaga kualiti alam sekeliling bagi menjamin pembangunan mampan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NOR AZIAH BINTI JAAFAR, s.i.s)

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

b.p: Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling
Malaysia

s.k :

1. Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Aras 1-4, Podium 2 & 3, No. 25, Persiaran Perdana
62574 PUTRAJAYA
(u.p: Pengarah Bahagian Penilaian)
Tel : 03-8871 2000
Faks : 03-8889 1036
2. Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
Aras 23,24 dan 34
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Kemudahan dan Permit Import (AP))
Tel : 03-88914585
Faks:03-8891 3190
3. Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Persiaran Majlis
Jalan Sultan Alam Shah
42700 BANTING
(u.p : Pengarah Jabatan Perancang/
Pengarah Pelesenan)
Tel : 03-3187 2825
Faks : 03-3187 9304
4. Pengarah
PLANMalaysia@Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40646 SHAH ALAM
Tel : 03-5511 6666
Faks: 03-5511 3557
5. Pengarah
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Selangor
Tingkat 7, Wisma Cosplant 2
7, Jalan SS 16/1
47500 SUBANG JAYA
Tel : 03-5638 0340
Faks : 03-5638 9159
6. Pengarah
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
No.3 Persiaran Tebar Layar
Bukit Jelutong Seksyen U8
40150 SHAH ALAM
Tel : 03-7846 4444
Faks : 03-7846 9892

7. Pengarah Urusan
Green Earth Consultancy & Services Plt
28 Jalan Indah 1/4
Taman Universiti Indah
43300 SERI KEMBANGAN



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar &
Perubahan Iklim (NRECC)

Tingkat 12-14 Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Seksyen 9
40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel.: 03-5521 4000
: 03-5519 7233 (Bilik Kawalan)
Faks: 03-5519 4788
Laman Web: www.doe.gov.my

Ruj. Tuan :

JAS.BHQ.600-2/13/187

Ruj. Kami :

Jld.2 (6)

Tarikh :

24 Julai 2023

Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Persiaran Majlis
Jalan Sultan Alam Shah
42700 BANTING

Tel : 03-3853 0303
Faks : 03-5510 8010

YBhg. Dato',

**REVISED ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT REPORT FOR THE
PROPOSED PLASTIC PRODUCTS MANUFACTURING PLANT USING PLASTIC
SCRAPS AS RAW MATERIAL ON PT 48373, TAMAN PERINDUSTRIAN MAHKOTA
UTAMA, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR
DARUL EHSAN FOR INTOCO MALAYSIA SDN. BHD.**

- Surat Kelulusan Laporan EIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menerima Laporan EIA bagi cadangan projek di atas yang disediakan oleh Jururunding EIA, Green Earth Consultancy & Services Plt pada 16 Jun 2023 melalui surat nombor rujukan: GE/INTCO/23/06/15 bertarikh 15 Jun 2023. Laporan tersebut telah dikaji dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (*Technical Review Committee, EIATRC*) pada 10 Julai 2023. Maklumat tambahan sebagai maklumbalas kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat telah disediakan oleh Jururunding EIA, Green Earth Consultancy & Services Plt telah diterima oleh Jabatan ini pada 20 Julai 2023.
- Setelah mengkaji Laporan EIA yang dikemukakan, Jabatan ini mendapati bahawa Laporan EIA tersebut **mematuhi Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**. Dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Laporan EIA ini **diluluskan** dengan syarat-syarat kelulusan seperti di **LAMPIRAN A**.
- Jabatan ini juga ingin menarik perhatian YBhg. Dato' bahawa pihak syarikat iaitu Intco Malaysia Sdn. Bhd. perlu mematuhi perkara-perkara seperti berikut:


"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008

s.k :

1. Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Aras 1-4, Podium 2 & 3, No. 25, Persiaran Perdana
62574 PUTRAJAYA
(u.p: Pengarah Bahagian Penilaian)
Tel : 03-8871 2000
Faks : 03-8889 1036
2. Ketua Pengarah
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
Aras 23,24 dan 34
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: Unit Kemudahan dan Permit Import (AP))
Tel : 03-88914585
Faks:03-8891 3190
3. Pengarah
PLANMalaysia@Selangor
Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
Tel : 03- 5544 5486
Faks : 03- 5510 5051
4. Pengarah
Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Selangor
Tingkat 7, Wisma Cosplant 2
7, Jalan SS 16/1
47500 SUBANG JAYA
Tel : 03-5638 0340
Faks : 03-5638 9159
5. Pengarah
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
No.3 Persiaran Tebar Layar
Bukit Jelutong Seksyen U8
40150 SHAH ALAM
Tel : 03-7846 4444
Faks : 03-7846 9892
-  6. Pengarah Urusan
Intco Malaysia Sdn. Bhd.
No. 1, Jalan Kosmos
Taman Perindustrian Mahkota Utama
Tanjung Duabelas
42700 KUALA LANGAT
7. Pengarah Urusan
Green Earth Consultancy & Services Plt
28 Jalan Indah 1/4
Taman Universiti Indah
43300 SERI KEMBANGAN



Rujukan: JAS.BHQ.600-2/13/187 Jld.2 2023
ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT REPORT –
PROPOSED PLASTIC PRODUCTS MANUFACTURING PLANT
USING PLASTIC SCRAPS AS RAW MATERIAL ON PT 48373,
TAMAN PERINDUSTRIAN MAHKOTA UTAMA, MUKIM TANJUNG
DUA BELAS DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN
FOR INTO MALAYSIA SDN. BHD.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

LAMPIRAN A

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(AKTIVITI YANG DITETAPKAN)
(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015**

JADUAL PERTAMA

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN
LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA
ALAM SEKELILING
(ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA))**

Bagi

**ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT REPORT FOR THE
PROPOSED PLASTIC PRODUCTS MANUFACTURING PLANT USING
PLASTIC SCRAPS AS RAW MATERIAL ON PT 48373, TAMAN
PERINDUSTRIAN MAHKOTA UTAMA, MUKIM TANJUNG DUA BELAS,
DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN**

untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh:

**INTCO MALAYSIA SDN. BHD.
NO. 1, JALAN KOSMOS
TAMAN PERINDUSTRIAN MAHKOTA UTAMA
TANJUNG DUA BELAS
42700 KUALA LANGAT
SELANGOR DARUL EHSAN**

Sebagaimana diperuntukan di bawah Seksyen 34A (3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) ini **DILULUSKAN DENGAN SYARAT-SYARAT BERIKUT:**

A. PEMATUHAN

1. Syarat-syarat kelulusan adalah merujuk kepada *REVISED ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT REPORT FOR THE PROPOSED PLASTIC PRODUCTS MANUFACTURING PLANT USING PLASTIC SCRAPS AS RAW MATERIAL ON PT 48373, TAMAN PERINDUSTRIAN MAHKOTA UTAMA, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN FOR INTO MALAYSIA SDN. BHD.* yang dikemukakan melalui surat bertarikh 18 Julai 2023.
2. Semua pernyataan dan perakuan (pledge) yang dinyatakan dalam Laporan EIA hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan oleh Pihak Penggerak Projek.
3. Pembangunan projek ini hendaklah **mematuhi** sepenuhnya **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.**
4. Kelulusan pengecualian Dasar Larangan Beroperasi Bagi Premis/Kilang Yang Memproses Sisa Plastik Di Negeri Selangor hendaklah diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN).
5. Syarikat hendaklah memindahkan keseluruhan operasi kilang sedia ada di tapak lama (Telok Gong) termasuklah aktiviti *import* dan premis sedia ada perlu ditutup.

B. PENERANGAN BAGI AKTIVITI YANG DITETAPKAN

6. Projek ini bertajuk *Revised Environmental Impact Assessment Report for Proposed Plastic Products Manufacturing Plant Using Plastic Scraps As Raw Material On PT 48373, Taman Perindustrian Mahkota Utama,*

Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan for Intco Malaysia Sdn. Bhd. dan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 seperti berikut:

- i) Aktiviti 14(b)(ii), Jadual Pertama – Pembinaan Loji Pulih Guna Atau Loji Kitar Semula Sisa Pepejal.

C. KONSEP DAN REKABENTUK PROJEK

7. Kelulusan laporan EIA ini adalah untuk pembinaan kilang kitar semula skrap plastik di lokasi seperti berikut:

PT 48373, Taman Perindustrian Mahkota Utama, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.

8. Pembangunan projek adalah dihadkan kepada premis kitar semula skrap plastik serta penghasilan produk seperti berikut:

Bahan Mentah	Cadangan Kapasiti (MT/Bulan)
<i>Plastic Scrap: PET Bricks/ Bales</i>	8,300
Plastik baharu: <i>PET Polyester</i>	1,870
Produk	Cadangan Kapasiti (MT/Bulan)
<i>r-PET Pellets (Food Grade)</i>	2,776.7
<i>r-PET Pellets (Industrial Grade)</i>	849.1
<i>r-PET Sheets</i>	1,389.4
<i>r-PET Food Packaging Products</i>	400.0
<i>r-PET Bottle Preforms</i>	3,006.0
<i>PP/ PE Pellets</i>	603.8

9. Sebarang peningkatan kapasiti atau perubahan konsep kepada proses-proses yang terlibat atau peningkatan kapasiti penerimaan dan pengeluaran adalah tidak dibenarkan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu.
10. Asas rekabentuk dan pelan susunatur cadangan projek ini hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di dalam **Figure 5.3.1: Overall Site Layout Plan** di muka surat 5-4 dalam Laporan *Revised EIA*. Sesalinan pelan susunatur yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa yang meluluskan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dalam tempoh dua minggu dari tarikh ianya diluluskan.
11. Proses-proses yang terlibat di dalam Kilang Intco Malaysia Sdn. Bhd. adalah sebagaimana yang ditunjukkan di **Figure 5.5.1: Mass Balance Flow Chart for Washing Processes** di muka surat 5-17, **Figure 5.5.2: Mass Balance Flow Chart for Production Line 1 – Food-Grade r-PET Pellets** di muka surat 5-18, **Figure 5.5.3: Mass Balance Flow Chart for Production Line 2 – Industrial-Grade r-PET Pellets** di muka surat 5-19, **Figure 5.5.4: Mass Balance Flow Chart for Production Line 3 – PP/ PE Pellets** di muka surat 5-20, **Figure 5.5.5: Mass Balance Flow Chart for Production Line 4 – r-PET Sheets** di muka surat 5-21, **Figure 5.5.6: Mass Balance Flow Chart for Production Line 5 – r-PET Food Packaging Products** di muka surat 5-22 dan **Figure 5.5.7: Mass Balance Flow Chart for Production Line 6 – r-PET Preform Bottle** di muka surat 5-23 dalam Laporan *Revised EIA*.

D. PEMBERITAHUAN BERTULIS/KEBENARAN BERTULIS/LESEN

12. Pemberitahuan Bertulis
 - (i) Sebarang pemasangan peralatan bahan api, janakuasa dan sistem kawalan pencemaran udara hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan

- (ii) Sebarang pembinaan sistem pengolahan efluen perindustrian bagi tujuan pembuangan atau pelepasan efluen perindustrian hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sepertimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

E. KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI AIR

13. Program-program pengawasan kualiti air hendaklah dijalankan seperti berikut:

Bil.	Kawalan dan Pengawasan	Frekuensi persampelan	Standard dirujuk	Tempoh pengawasan
1.	Kawalan Pelepasan Air Larian Permukaan	Setiap bulan	Jumlah Pepejal Terampai (TSS) tidak melebihi 50 mg/L ; Kekeruhan tidak melebihi 250 Nephelometric Turbidity Unit (NTU)	Dari mula gangguan tanah (<i>Land Disturbing</i>) sehingga tamat peringkat pembinaan
2.	Pengawasan Air Sungai	Setiap bulan	<i>National Water Quality Standards (NWQS) for Malaysia</i>	Sepanjang tempoh kerja-kerja tanah dan pembinaan bangunan kilang

14. Sebarang perubahan lokasi pengawasan, parameter dan frekuensi hendaklah mendapat persetujuan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

F. KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI UDARA

15. Sebarang pelepasan dan percontohan gas dan bendasing dari cerobong ke udara hendaklah mematuhi had-had pelepasan seperti yang dinyatakan dalam Jadual-jadual yang berkaitan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.
 (Nota: Jadual-Jadual di atas perlu diperincikan dalam EMP)
16. Program pengawasan kualiti udara ambien hendaklah dijalankan seperti berikut:

Bil.	Parameter	Had pelepasan udara ambien	Frekuensi	Standard yang dirujuk
1.	PM ₁₀	Rujuk pemakaian had bagi 2020 40 µg/m ³ (purata 1 tahun) 100µg/m ³ (purata 24 jam)	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard) (at 25 celcius and 101.13 kPa)</i>
2.	PM _{2.5}	15 µg/m ³ (purata 1 tahun) 35 µg/m ³ (purata 24 jam)	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard)</i>
3.	Sulfur Dioksida (SO ₂)	250 µg/m ³ (purata 1 jam) 80 µg/m ³ (purata 24 jam)	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard)</i>

4.	Nitrogen Dioksida (NO ₂)	280 µg/m ³ (purata 1 jam) 70 µg/m ³ (purata 24 jam)	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard)</i>
5.	Ground-Level Ozone (O ₃)	180 µg/m ³ (purata 1 jam) 100 µg/m ³ (purata 8 jam)	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard)</i>
6.	Karbon Monoksida (CO)	30 µg/m ³ (purata 1 jam) 10 µg/m ³ (purata 8 jam)	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Malaysian Air Quality Guidelines (Ambient Standard)</i>
7.	Total VOC	20 mg/m ³	Setiap bulan sepanjang tempoh kerja-kerja pengubahsuaian bangunan kilang 3 bulan sekali di peringkat operasi	<i>Environmental Quality (Clean Air) Regulation 2014 [Fifth Schedule (Regulation 15: Emission Standards for Hazardous Substances, Category (3), Class(I))].</i>

G. KAWALAN DAN PENGAWASAN BUNYI BISING DAN GETARAN

17. Bunyi bising hendaklah dikawal supaya tidak melebihi paras sepertimana yang ditetapkan dalam dalam garis panduan “**Guidelines for**

Environmental Noise Limits and Control (2019)” terbitan Jabatan Alam Sekitar.

18. Program pengawasan bunyi bising termasuk lokasi pengawasan, parameter dan kekerapan percontohan hendaklah diperincikan di dalam EMP dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk persetujuan sebelum dilaksanakan.
19. Getaran yang diterima di bangunan-bangunan atau penerima sensitif, **semasa peringkat pembinaan dan operasi**, hendaklah dikawal supaya tidak melebihi paras yang dinyatakan seperti di ***Schedule 5*** dan ***Schedule 6***, dalam ***“Guidelines For Environmental Vibration Limits and Control (2021)”*** terbitan Jabatan Alam Sekitar.

H. PENGENDALIAN BAHAN BUANGAN

Buangan Terjadual

20. Buangan Terjadual sepertimana di **Jadual Pertama dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005** hendaklah diurus dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Buangan terjadual ini hanya boleh diperoleh kembali atau dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Buangan Sisa Pepejal

21. Sistem pengurusan yang bersesuaian dan berkesan bagi sisa pepejal termasuk sisa biomass dan sisa bahan binaan hendaklah disediakan dan diperincikan di dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar (Environmental Management Plan, EMP).

22. Pelupusan sisa pepejal termasuk sisa biomass dan sisa binaan ke dalam mana-mana perairan daratan adalah tidak dibenarkan.

I. KAWALAN DAN PENCEGAHAN

23. Janakuasa tunggu sedia "*standby generator*" hendaklah dipasang bagi membekal keperluan tenaga elektrik kepada peralatan-peralatan utama seperti sistem kawalan premis dan alat kawalan pencemaran.
24. Semua sistem kawalan pencemaran (udara, air dan bunyi bising), hendaklah diselenggara dengan baik sepanjang masa, alat ganti hendaklah sentiasa ada dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan program pengawasan prestasi (performance monitoring) hendaklah dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
25. Sebarang aktiviti di tapak projek termasuk di peringkat operasi premis hendaklah diberhentikan dengan **SERTA MERTA** apabila berlaku sebarang kerosakan ke atas sistem kawalan pencemaran yang boleh menyebabkan pencemaran berlaku. Sebarang kegagalan sistem kawalan pencemaran hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dalam tempoh 24 jam. Aktiviti di tapak projek/premis hanya dibenarkan beroperasi semula setelah sistem kawalan ini dibaikpulih sepenuhnya.
26. Pengendalian dan penyelenggaraan sistem kawalan pencemaran (udara) hendaklah dilakukan atau dikendalikan oleh orang yang berwibawa (kompeten) di bawah **Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** dan bertanggungjawab bagi memastikan peraturan-peraturan dan standard-standard yang ditetapkan dapat dipatuhi. Maklumat orang yang berwibawa hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

27. Sistem kawalan pencemaran hendaklah dipasang berdasarkan Teknik Terbaik Yang Ada Yang Boleh Dicapai Dengan Hemat (*Best Available Technique, BAT*).
28. **Pembakaran terbuka** sisa tumbuhan, sisa binaan atau apa-apa bahan yang boleh terbakar **dilarang sama sekali** sepertimana dinyatakan di bawah **Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**.
29. Papan pemberitahuan status pematuhan kualiti air, udara, bunyi bising dan getaran hendaklah dipasang di pintu masuk tapak projek/premis bermula dari peringkat kerja tanah, pembinaan, operasi dan sehingga sepanjang hayat projek (mengikut kesesuaian projek).
30. Salinan Emergency Response Plan (ERP) bagi keseluruhan kemudahan premis untuk menghadapi sebarang kemalangan, kecemasan atau kejadian di luar jangkaan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Meluluskan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

J. PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN, EMP)

31. ***Environmental Management Plan (EMP)*** hendaklah disediakan mengikut format dalam *Chapter 6 - Post Submission Stage of EIA Report, Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia (EGIM)* terbitan Jabatan Alam Sekitar. Dokumen berkaitan *Pollution Prevention and Mitigation Measures (P2M2)* hendaklah dimasukkan di dalam EMP ini dan disediakan mengikut *Appendix 4* dalam garis panduan yang sama.
32. EMP yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor untuk kelulusan sebelum pembangunan projek ini dimulakan. Langkah-langkah kawalan dan mitigasi yang diperincikan di dalam EMP hendaklah dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya.

33. EMP hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan atau pindaan terhadap langkah-langkah kawalan dan mitigasi dan/atau terdapat arahan terkini daripada Jabatan Alam Sekitar
34. Penggerak Projek hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor sekiranya pembangunan projek melibatkan fasa peralihan kerja (transition) / penyelenggaraan berkala (turn around) / dihentikan / ditangguhkan atau ditamatkan atas sebab-sebab tertentu. Bagi tujuan tersebut, EMP hendaklah dikemaskini merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) Tarikh dan jadual peralihan fasa kerja / penyelenggaraan berkala / pemberhentian / penangguhan atau penamatan projek;
 - (ii) Kerja-kerja penstabilan tapak, pemulihan tanah tercemar, pembukaan peralatan, pembersihan tapak, pengawasan alam sekitar atau sebarang langkah pemulihan yang bersesuaian; dan
 - (iii) Komitmen daripada Penggerak Projek atau pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemulihan tapak projek dari segi keselamatan awam dan alam sekitar.
35. EMP hendaklah memperincikan aktiviti berkaitan projek yang terletak di luar atau bersebelahan tapak projek samada bersifat kekal atau sementara yang berpotensi memberi impak kepada persekitaran.
36. Bagi pematuhan syarat-syarat EIA, semua aspek mengurus perdana alam sekitar (*environmental mainstreaming tools*) seperti di dalam *EIA Guideline In Malaysia* (EGIM) dan *Environmental Mainstreaming Directive* hendaklah dilaksanakan.

K. AUDIT ALAM SEKELILING

37. Audit alam sekeliling pihak ketiga di bawah Seksyen 33A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 hendaklah dilaksanakan terhadap projek ini berpandukan kepada *Environmental Audit Guidance Manual*, terbitan Jabatan Alam Sekitar.
38. Juruaudit yang dilantik hendaklah berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar dan segala kos audit alam sekeliling hendaklah ditanggung oleh penggerak projek. Frekuensi pelaksanaan audit adalah seperti berikut:
- (i) Di peringkat kerja tanah dan pembinaan **setiap empat (4) bulan** sekali atau mengikut arahan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, bermula dari tarikh mula sehingga selesai kerja-kerja pembinaan. (Juruaudit hendaklah mempunyai sijil CESSWI (*Certified Erosion Sediment and Stormwater Inspector*) atau CISEC (*Certified Inspector on Sediment and Erosion Control*) atau yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling); dan
 - (ii) Di peringkat operasi setiap satu (1) tahun sekali sepanjang tempoh operasi (jika perlu) atau mengikut arahan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor,

L. PELAPORAN

39. Laporan-laporan berikut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang mengandungi:-

Bil	Jenis Laporan	Frekuensi	Tempoh	Catatan
1.	Borang Maklumat Status Projek (Borang EIA 1-18)	3 bulan sekali	Dari mula peringkat kerja tanah/ pembinaan / pengubahsuaian sehingga operasi premis bermula	

2.	Borang Pelaporan Pematuhan Syarat Kelulusan EIA (Borang EIA 2-18)	3 bulan sekali	Dari mula peringkat kerja tanah/ pembinaan / pengubahsuaian sehingga operasi premis bermula	
3.	Pengawasan -Air Sungai	3 bulan sekali	Dari mula peringkat kerja tanah/ pembinaan / pengubahsuaian sehingga operasi premis bermula	Sungai Langat
4.	Takat Akhir Pelepasan efluen	Fasa operasi - Setiap minggu	Peringkat operasi	
5.	Pengawasan Pelepasan Udara	Rujuk PUB 2014	Peringkat operasi	
6.	Pengawasan Udara Ambien	3 bulan sekali	Dari mula peringkat kerja tanah/ pembinaan / pengubahsuaian sehingga operasi premis bermula	
7.	Pengawasan Bunyi Bising dan Getaran	3 bulan sekali	Dari mula peringkat kerja tanah/ pembinaan / pengubahsuaian sehingga operasi premis bermula	

[Perhatian: Analisis parameter-parameter bagi pengawasan alam sekitar hendaklah dijalankan oleh makmal yang mendapat pengiktirafan 'Skim Akreditasi Makmal Malaysia' daripada Jabatan Standard Malaysia]

M. PENTADBIRAN

40. Satu salinan **surat dan syarat kelulusan Laporan EIA** hendaklah **dipamer** di pejabat pengurusan tapak projek.
41. Satu salinan surat dan syarat kelulusan Laporan EIA, dokumen EMP, dan setiap salinan dokumen yang berkaitan syarat-syarat kelulusan Laporan

EIA hendaklah disimpan di pejabat pengurusan tapak projek untuk rujukan.

42. Surat dan syarat kelulusan laporan EIA ini bersama setiap salinan dokumen yang menjadi sebahagian syarat-syarat kelulusan hendaklah dijadikan sebagai sebahagian daripada **dokumen kontrak** di antara penggerak projek dengan kontraktor yang akan menjalankan kerja-kerja di tapak projek.
43. Penggerak projek hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat (Laporan EIA diproses di Ibu Pejabat) dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor jika terdapat **sebarang pertukaran hak milik atau pengurusan projek** dalam **tempoh 30 hari** dari tarikh pertukaran hak milik atau pengurusan. Sebarang pertukaran hak milik atau pembahagian hak milik atau pengurusan hendaklah memasukkan kehendak mematuhi syarat-syarat kelulusan Laporan EIA kepada pemilik baru dalam transaksi jual-beli/pertukaran hak milik tersebut.
44. Sekiranya projek ini tidak dimulakan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat kelulusan, maka kelulusan Laporan EIA ini akan terbatal. Rayuan tempoh pelanjutan kelulusan laporan EIA boleh dikemukakan untuk pertimbangan Jabatan ini.
45. Penggerak projek hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan yang dikenakan dari semasa ke semasa.



(NOR AZIAH BINTI JAAFAR, s.l.s)

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, Malaysia

Tarikh : **24** Julai 2023